# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| AKHBAR | HARIAN METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Asri janggut sedia berdamai dengan MBSA |
| MUKA SURAT | 6 |

## Asri Janggut sedia berdamai dengan MBSA

**Kuala Lumpur:** "Saya sedia berdamai dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan tidak mahu mana-mana pihak menyimpan dendam," kata pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid atau Asri Janggut.

Mohd Asri, 42, berkata, dia sedia berdepan dengan MBSA untuk berdamai dan membuat permohonan maaf.

"Memang ada perancangan berjumpa MBSA, saya juga ada membuat kesilapan yang mungkin menyinggung banyak pihak.

"Saya tidak mahu ada pihak yang menyimpan dendam dan bergaduh mengenai isu ini," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, dia juga sedia untuk memperbaiki diri dan membetulkan sebarang kesilapan yang dilakukannya.

"Kita sama-sama betulkan, sama-sama perbaiki dan sama-sama buat baik untuk negara.

"Selama ini penjaja kecil tidak diberi perhatian, hikmahnya kini ia adalah untuk permudahkan urusan semua pihak," katanya.

Menjelaskan berhubung perniagaannya, Asri berkata, Hot Burger Malaysia adalah perniagaan yang memberi peluang kepada fakir miskin atau orang susah untuk memulakan perniagaan.

"Sejak enam tahun lalu mereka diberi peralatan percuma, modal permulaan dan gerai untuk membuka perniagaan serta menjual burger.

"Jadi, jika ada mana-mana pihak yang ingin membuat permohonan kita akan semak, tidak kira di mana termasuk di Sungai Buloh," katanya.

Pada 8 Ogos lalu, Mohd Asri menggemparkan negara selepas memuat naik dua video siaran langsung mendedahkan masih wujud premis perjudian aktif dan penjualan rokok seludup di sekitar Sungai Buloh yang masih beroperasi tanpa sebarang tindakan.

M/s-6



# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **25 NGO mohon campur tangan Sultan Sharafuddin** |
| **MUKA SURAT** | **26** |

*Isu peniaga warga asing*

# 25 NGO mohon campur tangan Sultan Sharafuddin

m/s-26

## Bawa suara rakyat terpaksa bersaing dengan warga asing untuk cari rezeki

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my



***Nazilah menyerahkan*** *memorandum mengenai isu peniaga warga asing kepada Ahmad Ramli (kanan) di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, semalam.* (Foto Faiz Anuar/BH)

**Shah Alam:** Sebanyak 25 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memohon supaya Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah campur tangan dalam isu peniaga warga asing yang dilihat semakin berleluasa selain tidak menghormati undang-undang di negeri ini.

Pengerusi Gabungan NGO Selangor, Datuk Nazilah Idris, berkata pihaknya terpanggil untuk membawa suara rakyat yang terhimpit dengan kesusahan untuk mencari rezeki kerana terpaksa bersaing dengan warga asing.

"Kami sebagai peniaga dan usahawan terkesan dengan kerenah birokrasi pihak penguat kuasa yang tidak tegas seterusnya membiarkan warga asing menyalah guna permit pekerjaan dengan berniaga.

"Peniaga warga asing di negeri ini juga seolah-olah kebal daripada tindakan undang-undang dan lebih malang kegiatan mereka ini menggugat hak kami sebagai rakyat Selangor," katanya selepas menyerahkan memorandum kepada Pegawai Pengiring Tentera Sultan Selangor, Kapten Ahmad Ramli Kardi di Istana Bukit Kayangan di sini, semalam.

Difahamkan, kawasan yang dikesan dipelopori peniaga warga asing adalah di Taman Seri Muda (Seksyen 25) Shah Alam dan sekitar Gombak.

Beliau berkata, sebelum ini timbul isu berkaitan sindiket pernikahan palsu yang membawa ajaran sesat oleh warga Bangladesh dan Rohingya.

Katanya, warga asing itu memperdaya wanita tempatan untuk berkahwin dan menggunakan nama mereka bagi mendapatkan lesen perniagaan seterusnya memudahkan mereka untuk berniaga di negeri ini.

Beliau berkata, pihaknya memohon dengan penuh harapan jika baginda dapat campur tangan membantu.

"Kami dengan rendah diri memohon supaya baginda membantu kami kerana isu rasuah yang berleluasa ini mengancam keselamatan rakyat di Selangor," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Sungai Klang bakal sumber bekalan air baharu** |
| **MUKA SURAT** | **26** |

# Sungai Klang bakal sumber bekalan air baharu

M/S-26

**Shah Alam:** Sungai Klang berpotensi menjadi sumber bekalan air baharu untuk Selangor selepas kualiti air di sungai itu menunjukkan peningkatan yang baik.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata tahap kualiti air di sungai berkenaan kini berada pada tahap tiga, iaitu sudah selamat untuk aktiviti sukan air.

"Saya juga sudah berbincang mengenai perkara ini bersama Kementerian Alam Sekitar dan Air dan sekiranya tiada apa-apa masalah, saya mungkin akan mengumumkan perkara ini pada sesi Belanjawan 2021.

"Sumber air dari Sungai Klang dijangka dapat mengeluarkan air terawat 1,000 juta liter sehari (JLH) untuk kegunaan penduduk di negeri ini," katanya pada sidang media sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Selangor di Bangunan SUK, semalam.

Beliau berkata, kualiti air pada tahap tiga sudah sesuai untuk diproses sebagai air terawat bagaimanapun ia memerlukan kos yang agak tinggi.

Justeru, kerajaan negeri akan menunggu sehingga ia berada pada tahap satu atau dua.

Katanya, kerja pembersihan Sungai Klang oleh The Ocean Cleanup menjadi pendorong kepada peningkatan kualiti air di sungai itu.

"Sebelum ini, jentera pembersihan itu mengutip kira-kira 10,000 kilogram (kg) sampah setiap hari dan kini jumlah sudah berkurangan kepada 4,000kg.

"Selangor kini bergantung kepada dua sumber air, iaitu Sungai Selangor dan Sungai Langat," katanya.

Sementara itu, Amirudin memaklumkan sepanjang Jun hingga awal bulan ini, sebanyak lima insiden pencemaran yang boleh menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) henti tugas dapat dielakkan menerusi pelaksanaan operasi pemantauan 24 jam Ops Sumber Air.

"Menerusi operasi yang diketuai oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), sebanyak 20 lokasi sensitif sumber air termasuk kawasan tadahan air empangan, rizab sungai dan kawasan perindustrian yang berisiko," katanya.




**Amirudin (kiri) pada** *Sambutan Hari Sungai Sedunia 2020 Peringkat Selangor di SUK Shah Alam, semalam.* (Foto Faiz Anuar/BH)

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Terajui industri pendidikan di Malaysia** |
| **MUKA SURAT** | **15** |




Unisel kini semakin gah menerajui industri pendidikan Malaysia dan menjadi pilihan lebih 30,000 pelajar dari seluruh dunia.

# Terajui industri pendidikan di Malaysia

Oleh HASRIL ABU HASSAN

Universiti Selangor (Unisel) merupakan universiti pertama milik penuh kerajaan Selangor yang dipengerusikan sendiri oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Selaku institusi pendidikan milik penuh kerajaan Selangor, Unisel sering menerima kepercayaan banyak pihak termasuk agensi kerajaan negeri dari aspek penyelidikan, kerjasama strategik mahupun jaringan global.

Mula beroperasi pada tahun 1999, Unisel memiliki dua buah kampus iaitu kampus Bestari Jaya yang mempunyai keluasan tanah melebihi 0.44 hektar dan kampus elit di tengah-tengah bandar Shah Alam. Dengan tagline 'Peneraju Transformasi', Unisel kini semakin gah menerajui industri pendidikan Malaysia dan menjadi pilihan lebih 30,000 pelajar dari seluruh dunia dengan pelbagai keistimewaan tersedia baik dari aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P) mahupun kemudahan serta fasiliti lengkap untuk pelajar.

## Ikon Transformasi Unisel

Tarikh 1 Januari 2016 menjadi titik permulaan kepada tagline 'Peneraju Tranformasi' apabila Unisel menerima Presiden dan Naib Canselor ketujuh iaitu Dr Mohammad Redzuan.

Dengan reputasi sebagai profesor cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik malah pentadbiran, beliau dilihat sebagai calon yang layak untuk membawa Unisel ke arah kecemerlangan.

Sepanjang lima tahun beliau menerajui transformasi, banyak perubahan dapat dilihat.

Antara pendekatan terawal adalah proses rasionalisasi fakulti dengan penggabungan lapan fakulti kepada empat fakulti termasuk dua pusat pengajian. Ia bagi melahirkan pelajar yang bersifat *multi-discipline* selain mengoptimumkan tenaga kerja dan kemampuan dengan sumber yang ada.

Beliau juga menerapkan elemen pendemokrasian pendidikan dengan memperkenalkan Skim Dermasiswa iaitu yuran pengajian percuma bagi pelajar program asas, pengurusan kewangan yang mampan dan budaya amalan bersih serta ceria dalam kalangan warga kampus agar terus komited bagi mewujudkan persekitaran universiti yang selesa.

## Fasiliti dan kemudahan lengkap

Dari aspek fasiliti dan infrastruktur, sudah banyak perubahan dapat dilihat sepanjang lima tahun pentadbiran Dr Mohammad Redzuan. Paling ketara adalah dari aspek pembangunan dan kemudahan yang disediakan di kedua-dua buah kampus. Jika dilihat di kampus Bestari Jaya, Unisel menjadi intitusi pengajian tinggi swasta (IPTS) terawal yang menyediakan prasarana pembelajaran dalam *mood* kampus sebenar. Kemudahan yang tersedia bagi aktiviti pembelajaran melibatkan kelas, auditorium, dewan, bilik simulasi, studio foto dan bilik pensyarah.

Pelbagai pembaharuan menerusi projek transformasi melibatkan prasarana dan baik pulih di kedua-dua buah kampus Shah Alam dan Bestari Jaya turut dilakukan antaranya pembangunan projek Taman Herba, padang golf, Kafe Muzium @ Food Valley dan projek pengindahan tasik.

Elemen kampus hijau turut diterapkan menerusi Projek Penghijauan Kampus.

## Yuran termurah

Unisel menjadi pilihan utama ibu bapa dan pelajar kerana menawarkan yuran pengajian termurah tanpa mengabaikan aspek kualiti.

Pelajar tidak perlu khuatir kerana semua program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan program mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Presiden dan Naib Canselor Unisel turut menggalas pendemokrasian pendidikan dengan memperkenalkan beberapa langkah antaranya Skim Dermasiswa iaitu yuran pengajian percuma untuk pelajar program asas menerusi Pusat Pengajian Asasi dan Umum Unisel.

Empat kursus yang ditawarkan ialah program Asas Sains, Asas Teknologi Maklumat, Asas TESL dan Asas Pengurusan.

Malah, Unisel turut menawarkan program baharu iaitu pengajian khas untuk hafiz dan hafizah al-Quran menerusi Program Asasi Trek Huffaz.

## Pensijilan ISO

Unisel juga menjadi universiti pertama menerima dua pensijilan pengurusan kualiti (ISO) secara serentak oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).



MOHAMMAD REDZUAN

AYUH MENDAFTAR DI UNISEL

KEMASUKAN OGOS DAN NOVEMBER 2020 KINI DIBUKA

Anda boleh membuat permohonan secara atas talian menerusi laman sesawang rasmi www.unisel.edu.my atau boleh hubungi talian 03-5522 3400 atau WhatsApp ke 018-5714 084 / 018-5714 087 untuk maklumat lanjut.

**KERATAN AKHBAR**
**19 OGOS 2020 (RABU)**

| | |
|---|---|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | NGO mohon campur tangan Sultan Selangor |
| MUKA SURAT | 22 |

# NGO mohon campur tangan Sultan Selangor

Lebih 25 NGO mahu isu peniaga warga asing diselesaikan

Oleh MUHAMMAD AMIN-NURALIFF MOHD ZOKI

SHAH ALAM



Lebih 25 NGO Selangor meminta isu peniaga warga asing diberi perhatian selepas menyerahkan memorandum kepada Sultan Selangor di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam semalam.

Lebih 25 badan bukan kerajaan (NGO) di Selangor memohon supaya Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah campur tangan dalam isu peniaga warga asing di negeri itu.

Pengerusi Gabungan NGO Selangor, Datuk Nazilah Idris berkata, pihaknya membawa suara rakyat yang terhimpit dengan kesusahan untuk mencari rezeki kerana terpaksa bersaing dengan warga asing.

"Kami sebagai peniaga dan usahawan di negeri ini terkesan kerana kerenah birokrasi pihak penguat kuasa yang tidak tegas apabila membiarkan warga asing menyalahgunakan permit pekerjaan untuk berniaga.

"Peniaga warga asing di negeri ini juga seolah-olah kebal dari undang-undang dan lebih malang kegiatan mereka ini menggugat hak kami sebagai rakyat Selangor," katanya selepas menyerahkan memorandum kepada Pegawai Pengiring Tentera Sultan Selangor, Kapten Ahmad Ramli Kardi di Istana Bukit Kayangan di sini semalam.

Katanya, baru-baru ini terdapat pendedahan mengenai warga asing yang berkahwin dengan wanita tempatan bagi mendapatkan lesen perniagaan.

"Mereka memperdaya wanita warga tempatan untuk berkahwin dan menggunakan nama isteri mereka bagi mendapatkan lesen perniagaan serta memudahkan mereka untuk berniaga di Selangor," katanya.

Justeru, mereka memohon dengan penuh harapan agar baginda dapat campur tangan membantu.

"Kami dengan rendah diri memohon baginda membantu kami kerana isu rasuah yang berleluasa ini mengancam keselamatan rakyat di Selangor," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| AKHBAR | THE STAR |
| TAJUK BERITA | Irked by illegal dumping operations |
| MUKA SURAT | 2 – starmetro |

# Irked by illegal dumping operations

## Bandar Seri Coalfields residents say activities continue despite multiple complaints

By TRIONA LAW
metro@thestar.com.my



Residents are suffering from the foul odour emanating from the dumpsites along Jalan Kuala Selangor in Bandar Seri Coalfields, Sungai Buloh.

RESIDENTS are frustrated with the lack of action against several illegal dumpsites which have been operating for over two years along Jalan Kuala Selangor in Bandar Seri Coalfields, Sungai Buloh.

A local residents' association representative said these illegal operations, which were located less than 1km away from homes, had been up and running since he moved in two years ago.

"Every night, residents have to deal with the foul odour of burning plastic and other strong smells which pollute the air," he said.

"There are a few sites possibly operated by different syndicates," he said, adding that each site often had large hoardings to hide their illegal activities.

Excavators, bulldozers and lorries dumping rubbish at the sites were also common.

Another resident said that the dumpsites had attracted a large number of pests such as rodents and flies to the area.

She also said residents had to keep their doors and windows shut most of the time to keep foul smells from coming into their homes.

"Most of the rubbish seems to be construction waste," she said.

Despite repeated complaints by several residents to the Kuala Selangor District Council (MDKS), little has been done to stop the illegal activities.

MDKS Health and Environment Department director Jefriee Manaf said it had issued at least five notices for public nuisance under Section 82(5) of the Local Government Act 1976.

"Seven compounds were issued until June this year, while four lorries were seized.

"Last year, a total of 46 compounds were issued and 11 lorries were also seized from the dumpsites," he said.

However, the action taken had done little to deter the syndicates operating at these dumpsites.

Jefriee also said the issue was out of the council's jurisdiction and should be handled by the Kuala Selangor District and Land Office.

He assured that the department would be organising a meeting with all relevant authorities to resolve the matter.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Animal farm in Bukti Cherakah forest reserve demolished** |
| **MUKA SURAT** | **2 – starmetro** |



The cow and goat sheds which were built illegally to house the animals in Bukit Cherakah.

# Animal farm in Bukit Cherakah forest reserve demolished

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

AN ILLEGAL cow and goat farm operating in the Bukit Cherakah forest reserve in Shah Alam has been demolished by authorities after its owner failed to move out.

A hut and two sheds which were used to house the cows and goats were torn down while three people were arrested during the joint operation.

The enforcement exercise involved 200 officers from the Petaling District Land Office, police, Selangor Veterinary Services Department, Shah Alam City Council and Selangor Water Management Authority.

"We had to take action and demolish the structures because the owner failed to move out despite notices being sent, with the last one issued in February this year," said state environment, green technology, science, technology and innovation and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian in a statement.

He added that the state government would not allow anyone to carry out illegal activities in forest reserves in Selangor.

Apart from cows and goats, the owner also reared chickens, ducks and geese at the premises.

During the operation, a total of 27 cows and 59 goats were seized and housed temporarily at Ladang HMA Kasturi Sdn Bhd in Batu Arang.

Five motorcycles, one lorry, two water pumps and one generator were also confiscated during the raid.

"This case is being investigated under the National Forestry Act (Adoption) Enactment 1985, Section 32 (1) which states that no one is allowed to occupy or carry out any form of activity in a forest reserve," said Hee.

The penalty for the offence is a fine of not more than RM100,000, jail time of between six months and 10 years, or both.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Selangor hot springs still closed for now** |
| **MUKA SURAT** | **3 – starmetro** |

# Selangor hot springs still closed for now

## Shutdown proves timely for Selayang attraction as it gets much-needed facelift

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

SINCE the start of the movement control order (MCO) in March, many tourist attractions in the Klang Valley have taken a hit in terms of business.

Hot springs, including the popular one in Selayang, had been experiencing a dry spell as people stayed away due to Covid-19 even before the MCO was implemented.

With the current scenario, Selayang Municipal Council (MPS) decided to seal off the hot springs in July to carry out upgrading works, which is scheduled to be completed in a year.

When contacted, an MPS spokesman said the upgrades would include repairing four hot spring pools that had major cracks in their foundation as well as landscaping works.

"The goal is to make the hot springs comfortable for visitors. It is important for the 20-year-old hot springs to be a safe place when it reopens," said the spokesman.

*StarMetro* visited the area and found that the premises had been completely sealed off by a blue hoarding.

MPS decided to put up the hoarding as people were still entering the premises that had been sealed off with a yellow tape in April.

"There were patrols at the time and the police ordered visitors to leave.

"MPS decided this was the best time to start upgrading the place as people are discouraged from congregating in one place even during the recovery MCO."

However the hoarding caused concern among some residents as they feared a commercial development was taking place.

This was because the notice plastered on the hoarding did not give an explanation for the temporary closure.

When asked, MPS said it had received phone calls from the public who wanted to know the status of the hot springs.

"We could not see a signboard and were concerned about what was going on," said Bandar Baru Selayang resident A. Rajan, adding that MPS should have stated clearly the reason for the closure.

Meanwhile, Kerling hot springs in northern Selangor, 10km from Kuala Kubu Baru, was deserted during a visit by *StarMetro*. It is usually a popular picnic spot among locals.

However, about 20km south of Kerling, a group of people were seen enjoying the Hulu Tamu hot springs in Batang Kali.

Both Kerling and Hulu Tamu hot springs fall under Hulu Selangor District Council's (MDHS) jurisdiction.

When contacted, an MDHS spokesman told *StarMetro* that both places were closed to the public.

"Security guards on duty at these areas have been instructed to step up patrols," said the spokesman.

"Once the MCO is lifted, MDHS will ensure the standard operating procedures issued by the National Security Council are adhered to when the sites reopen."

To ensure the comfort and safety of visitors, the pools will be washed weekly to maintain cleanliness.

The spokesman said visitors preferred Hulu Tamu hot springs as there were several pools there.

The hot springs are also much bigger compared to the one in Kerling which can only accommodate 10 to 20 people at a time.

"There are several facilities provided by MDHS in Hulu Tamu such as gazebos, toilets, dressing rooms, shops, *surau*, food stalls and a spacious carpark," added the spokesman.



Before the MCO, Kerling hot springs was a favourite among visitors to Hulu Selangor. — Photos: ONG SOON HIN and AIDA AHMAD/The Star



The notice put up by Selayang Municipal Council at Selayang hot springs does not state the reason for its closure.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Community centre to nurture entrepreneurs** |
| **MUKA SURAT** | **3 – starmetro** |

## Community centre to nurture entrepreneurs




Ganabatirau (centre) assisting in a cooking demonstration after launching MPSJ's new community centre at Kompleks 3C in Bandar Sunway.

SUBANG Jaya Municipal Council (MPSJ) has opened a centre, Pusat Aktiviti Komuniti Berdaya, which is aimed at assisting and empowering the local community, particularly those from the B40 group, to venture into entrepreneurial activities.

The centre, located at Kompleks 3C MPSJ, Jalan PJS 11/2, Bandar Sunway, was launched by Selangor socio-economic empowerment, development and caring government committee chairman V. Ganabatirau who is also Kota Kemuning assemblyman.

"MPSJ worked with Ganabatirau's office to create a special programme for the B40 community so they could equip themselves with relevant skills and knowledge.

"The programme aims to provide them with the know-how to venture into business," said MPSJ Corporate and Strategic Management Department deputy director Azfarizal Abdul Rashid in a statement.

"It aims to provide a complete space for participants in terms of learning facilities and manufacturing of products.

"It also aims to improve participants' awareness and encourage their involvement in the entrepreneurial field.

"This will also help to expand economic growth in the community," he said.

The centre is targeted at the B40 community, residents of 24 low-cost flats in Subang Jaya, entrepreneurs from MPSJ's urban community welfare programme, MPSJ's residents committee (JKP), single mothers, the disabled, youths as well as small and medium industry traders.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Large industrial park coming up in Kuala Langat** |
| **MUKA SURAT** | **4 – starmetro** |



(From left) Fook Choy, Teng, Ng and Ngan Choy showing an artist's impression of NCT Group's Kuala Langat Industrial Hub.

# Large industrial park coming up in Kuala Langat

## Project to serve as hub for electrical and electronics industry

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

KUALA Langat Industrial Hub is set to be one of the largest industrial parks in Selangor, with the 198ha site designated for the electrical and electronics industry.

The project will be developed by NCT Group, while Future Inno Park will be bringing in international investors.

"Located on the border between Kuala Langat and Sepang districts, Kuala Langat Industrial Hub has an estimated gross development value (GDV) of RM3bil," said NCT Group of Companies founder Datuk Seri Yap Ngan Choy.

"It is located about 15 minutes from KL International Airport, making it a strategic location for an industrial hub."

Ngan Choy said this during a memorandum of understanding (MOU) signing ceremony at Bangunan SSAAS in Shah Alam between NCT Group and Future Inno Park Sdn Bhd for the industrial hub.

Future Inno Park was represented by its director Datuk Jeffrey Ng Chin Heng, who is also Malaysia-China Chamber of Commerce public relations committee chairman.

Also present were Selangor investment, industry and trade, small and medium industries committee chairman Datuk Teng Chang Khim and NCT Group co-founder Datuk Joe Yap Fook Choy.

Teng said it would take some time for work to start as the owner of the land would have to go through the necessary processes as stipulated in the Town and Country Planning Act 1976.

"It will take about one-and-a-half years to change the land status from agriculture to industrial, and another year to complete the planning permission stage before the developer can start construction," said Teng.

"It will also take some time to look for investors, so the earliest the industrial hub can begin operations is in about four years."

Ngan Choy said the company was in the midst of negotiating with potential investors, with initial investments expected to come from China and Taiwan.

"The ongoing trade war between the United States and China offers a huge opportunity as some companies are looking at relocating their factories to the Asean region," said Teng.

"Having a designated hub for a specific industry offers convenience in terms of connecting the entire supply chain and avoiding problems such as pollution from one industry to another (such as having a food manufacturer next to a metal factory)."

Noting that Selangor's contribution to the national gross domestic product (GDP) increased from 23.7% in 2018 to 24.2% in 2019, Teng said this showed the state's strength.

"We need to maintain Selangor's position as the top investment destination in Malaysia," he added.

"At the moment, about 60% of Selangor's GDP comes from the service industry, while about 30% comes from manufacturing.

"So we need to strengthen the manufacturing industry to support the service industry."

He explained that the state government was doing its part by offering the necessary facilities and support to investors.

He highlighted that the Selangor Industrial Master Plan would focus on five core industries in the manufacturing sector, namely electrical and electronics, machinery and equipment, transport equipment (including aerospace), food and beverage as well as life sciences.

"We are no longer looking at other states as competitors to Selangor, but other countries in the region," said Teng.

"In terms of foreign direct investment last year, Malaysia ranked behind four developing Asean countries which were Indonesia, Thailand, the Philippines and Vietnam.

"So we need to study the reasons for this, look into our weaknesses and areas that need improvement," he said, adding that Selangor had certain advantages such as skilled workers and political stability.

The Kuala Langat Industrial Hub will include detached and semi-detached industrial hubs, industrial lots, commercial lots, staff quarters and amenities as well as green pockets.

# KERATAN AKHBAR
# 19 OGOS 2020 (RABU)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **THE STAR** |
| **TAJUK BERITA** | **Plumbing apprenticeship, assistance programmes launced** |
| **MUKA SURAT** | **6 – starmetro** |

## Plumbing apprenticeship, assistance programmes launched




(From left) ABM chief operations officer Dolkipli Saian, Air Selangor corporate communications head Elina Baseri and director and operations head Abas Abdullah at the launch of its programmes.

UTILITY company Air Selangor has launched its Plumbing Apprenticeship programme and Plumbing Assistance Service.

This is part of Air Selangor's efforts to lend a helping hand to communities who need help to move forward, especially during these challenging times.

The Plumbing Apprenticeship Programme is a collaboration between Air Selangor and Akademi Binaan Malaysia (ABM) to provide assistance to residents in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya who have recently lost their jobs because of the Covid-19 pandemic, giving them an alternative career opportunity in the field of water utility service and maintenance.

Each selected participant will undergo training that encapsulates 25% theory and 75% practical.

Participants who successfully complete the training and pass their assessment will be awarded the ABM Certificate of Achievement and the Malaysian Construction Industry Development Board Construction Skills Certificate which recognises their skills.

Registration for this programme is open now and closes on Oct 20.

Air Selangor also launched its Plumbing Assistance Service for communities in need in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

This programme provides aid to those who require immediate internal plumbing repair but cannot afford the extra expenses.

Priority will be given to residents of People's Housing Project (PPR), low-cost and rural housing.

Repair works will be carried out by certified plumbers with National Water Services Commission (SPAN).

Air Selangor will also help provide guidance to the individuals involved, to conduct inspection in their own premises and identify the location of potential internal leaks in the future.

Through this initiative, Air Selangor hopes to reduce the burden of individuals among the poor and curb unnecessary water wastage over a long period of time.

Air Selangor has allocated a fund of RM200,000 for the implementation of both these initiatives until Dec 31 this year.

The implementation of this initiative is also a part of Air Selangor's efforts to increase consumer confidence that water supplied by Air Selangor is clean and safe to consume directly from the tap.

Registration forms for the Plumbing Apprenticeship programme and Plumbing Assistance Service for communities in need can be downloaded from Air Selangor's website.

Physical copies are also available at Air Selangor's 10 regional customer service counters.